

Praktis 8 Cerpen *Talia dan Raksasa Qadqad*

Soalan 1 – 5 berdasarkan bahan di bawah ini.

Baca bahan di bawah ini dengan telitinya dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Secara tidak rasmi dan sejujurnya, perihal Talia dan Raksasa Qadqad bermula beberapa bulan sebelum itu lagi. Talia sedang bermain sendirian di sempadan huma, berdekatan dengan hutan di lereng Bukit Ungu apabila dia terdengar *rengekan ganjil*.

“Qadqad ... qraakkk ...”

Talia tersentak lantas berpaling ke arah hutan. Didapati dari arah datangnya suara itu, seekor haiwan sebesar kepala budak terbaring di pinggir tunggul. Rupanya mirip katak, namun tidak serupa. Jika dibandingkan saiznya dengan katak biasa, dapatlah dikatakan makhluk itu sebagai katak raksasa. Sepasang tanduk kecil tumbuh di kepalanya.

“Qadqad ... qraakkk! Qraakkk!”

Makhluk itu mengerang, mempamerkan taring. Cecair hijau likat meleleh dari lekuk tajam di bahagian sisi kepalanya, persis luka akibat dilibas gergaji.

Spontan Talia berlari mencari pucuk daun dalut. Selesai mengunyah lumat dan menampalnya di kepala haiwan itu, dia berteleku, mahu memastikan darah pada luka itu membeku. Dalam seketika, makhluk itu membuka mata kuning beriris hijau. Dengan dua kali lompatan tinggi, ia pun hilang di balik hutan.

Dipetik daripada cerpen “Talia dan Raksasa Qadqad”,
antologi *Baik Budi, Indah Bahasa*, Tingkatan 2,
Kementerian Pendidikan Malaysia

- 1 Apakah maksud rangkai kata *rengekan ganjil* dalam petikan cerpen di atas?

A Jeritan asing C Laungan aneh
B Tangisan pelik D Panggilan ajaib

Mentafsir (Aros R)

- 2 Spontan Talia berlari mencari pucuk daun dalut. Selesai mengunyah lumat dan menampalnya di kepala haiwan itu, dia berteleku, mahu memastikan darah pada luka itu membeku.

Nyatakan kata-kata hikmat yang sesuai dengan pernyataan di atas.

A Biar lambat asalkan selamat
B Bersekutu bertambah mutu
C Bantu-membantu amalan mulia
D Rajin dan usaha tangga kejayaan

Mentafsir (Aros R)

- 3 Dengan dua kali lompatan tinggi, ia pun hilang di balik hutan.

Apakah perwatakan raksasa qadqad yang terdapat dalam pernyataan di atas?

A Mampu melompat tinggi
B Mampu melompat dua kali sahaja
C Suka bersembunyi di hutan
D Suka menghilangkan diri

Memahami, Menganalisis (Aros S)

- 4 Mengapakah raksasa qadqad itu mengerang, mempamerkan taringnya?

A Makhluk itu terkejut dengan kehadiran Talia.
B Makhluk itu terjatuh di pinggir tunggul.
C Kepalanya tiba-tiba ditumbuhi sepasang tanduk kecil.
D Bahagian sisi kepalanya cedera seperti dilibas gergaji.

Memahami, Menganalisis (Aros S)

- 5 Yang berikut merupakan pernyataan yang benar berdasarkan petikan **kecuali**

A Talia bermain sendirian di sempadan huma.
B raksasa qadqad sebesar kepala budak.
C rupa raksasa qadqad mirip katak, namun tidak serupa.
D mata raksasa qadqad berwarna hitam.

Menganalisis, Menyusun (Aros T)